

## PEKELILING PENDAFTAR

Tarikh: 3 April 2020

Bil. 06/2020

Ruj:(60)dIm.UNISEL/PP/01.05.Jld.I

### BUKU PERATURAN AKADEMIK, EDISI KEEMPAT, CETAKAN PERTAMA, APRIL 2020

#### 1.0 TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan penggunaan Buku Peraturan Akademik, Edisi Keempat, Cetakan Pertama, April 2020 **berkuatkuasa mulai Semester April 2020**.

#### 2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Universiti ketika ini menggunakan Buku Peraturan Akademik, Edisi Ketiga 2012 (Pindaan Pertama 2014), Cetakan Kedua, Januari 2015.
- 2.2 Semakan semula, penambahbaikan dan tranformasi perlu dilakukan bertujuan memantapkan peraturan akademik yang diguna pakai seiring dengan perubahan semasa dan keperluan masa hadapan.
- 2.3 Berkaitan dengan Perkara 2.2, Jawatankuasa Khas Semakan Semula Buku Peraturan Akademik UNISEL telah ditubuhkan pada awal tahun 2019 yang dikoordinasi oleh Pejabat Pendaftar dan Bahagian Hal Ehwal Akademik (BHEA).

#### 3.0 PEMBATALAN DAN PINDAAN BUKU PERATURAN AKADEMIK

- 3.1 Mesyuarat Senat Kali Ke-181 (Bil. 3/2020) bertarikh 27 Mac 2020 telah meneliti dan meluluskan Buku Peraturan Akademik, Edisi Keempat, Cetakan Pertama, April 2020.
- 3.2 Penggunaan Buku Peraturan Akademik, Edisi Ketiga 2012 (Pindaan Pertama 2014), Cetakan Kedua, Januari 2015 sebelum ini adalah **TERBATAL SERTA-MERTA** dari tarikh Pekeliling Pendaftar Bil. 06/2020 ini dikeluarkan.
- 3.3 Naskah digital Buku Peraturan Akademik, Edisi Keempat, Cetakan Pertama, April 2020 boleh diakses dan dimuat turun melalui Portal Pelajar UNISEL di pautan berikut: <http://studentportal.unisel.edu.my> untuk rujukan semua warga UNISEL.

#### 4.0 TARIKH KUATKUASA


- 4.1 Buku Peraturan Akademik, Edisi Keempat, Cetakan Pertama, April 2020 ini adalah berkuatkuasa kepada semua Pelajar Baharu dan Pelajar Semasa **mulai Semester April 2020.**
- 4.2 Pihak fakulti/pusat pengajian/sekolah/jabatan/unit hendaklah mematuhi dan melaksanakan arahan seperti tertakluk kepada Pekeliling Pendaftar Bil. 06/2020 ini.

Sekian, harap maklum.

Terima kasih.

#### 'PENERAJU TRANSFORMASI'

Yang benar,



**HAJAH ROKMAA BINTI HAJI MAT**  
Pendaftar

- S.k : YBhg. Dato' Presiden & Naib Canselor  
: Naib Presiden & Timbalan Naib Canselor (Akademik, Penyelidikan & Jaringan Industri)  
: Naib Presiden & Timbalan Naib Canselor (Pentadbiran, Perancangan & Jaringan Global)  
: Naib Presiden & Timbalan Naib Canselor (Pembangunan Pelajar & Jaringan Komuniti)  
: Bendahari